

## Representasi *Ensera Kumang* dalam Menyingkap Keutuhan Budaya Iban berdasarkan Perspektif Sfera Faedah

Chris Dickerson Thomas\*, Nordiana Ab Jabar, Daeng Haliza Daeng Jamal

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 01, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

\* Emel penulis koresponden (emel institusi): [c24d1711f@siswa.umk.edu.my](mailto:c24d1711f@siswa.umk.edu.my)

### ARTICLE HISTORY

Received: 06th October 2025

Revised: 07th January 2026

Accepted: 15th January 2026

Published: 07th April 2026

### KATA KUNCI

Budaya Iban  
*Ensera Kumang*  
Representasi  
Sfera Faedah

**ABSTRAK** - Kajian ini bertujuan menganalisis teks *Ensera Kumang* dalam merepresentasikan identiti budaya masyarakat Iban melalui prinsip Sfera Faedah. *Ensera* sebagai puisi naratif tradisional masyarakat Iban berfungsi bukan sahaja sebagai rakaman epik kepahlawanan dan mitologi dewa tetapi juga *ensera* turut memperlihatkan hubungan antara imaginasi kolektif dan identiti etnik yang dipresentasikan melalui watak dewa dan dewi. Tambahan pula, nilai keindahan dan fungsi transgenerasi *ensera* menjadikannya teks yang penting dalam memahami mekanisme warisan budaya, pembentukan identiti dan dinamik dalam mengumpul memori kolektif masyarakat Iban. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes berasaskan analisis tematik bagi meneliti buku *Ensera Kumang* dengan mengaplikasikan Pendekatan Keindahan Braginsky (1994), khususnya Sfera Faedah sebagai kerangka analisis. Pendekatan ini digunakan untuk meneliti fungsi teks sebagai agen budaya yang memaparkan nilai-nilai kolektif masyarakat Iban. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Ensera Kumang* memberikan faedah dari segi struktur bahasa sebagai mekanisme pemeliharaan tradisi, penggunaan istilah budaya sebagai penanda identiti serta fungsi sindiran berkias dalam budaya masyarakat Iban. Selain memperkaya kajian sastera etnik dan budaya, kajian ini turut memberi manfaat kepada bidang pendidikan dan penyelidikan dalam usaha melestarikan warisan budaya masyarakat peribumi di Malaysia. Oleh itu, analisis kritis terhadap teks *ensera* diperlukan untuk mengungkap *Ensera Kumang* memelihara tradisi, menegaskan identiti budaya dan menyampaikan sindiran simbolik dalam masyarakat Iban.

This study aims to examine the *Ensera Kumang* text in terms of its representation of the Iban community's cultural identity, drawing on the principles of the Sphere of Benefits. As a traditional Iban narrative poem, *ensera* functions not only as a record of epic heroism and divine mythology but also as a reflection on the interrelation between collective imagination and ethnic identity, as embodied in the figures of gods and goddesses. Moreover, the aesthetic value and transgenerational function of *ensera* position it as an essential text for understanding the mechanisms of cultural heritage, identity formation, and the dynamics in gathering collective memory within the Iban community. The methodology of this study employs a case study research design based on thematic analysis to examine the text *Ensera Kumang* by applying Braginsky's Aesthetic Approach (1994), specifically the Sphere of Benefit, as the analytical framework. This approach is used to analyse the text's function as a cultural agent that represents the collective values of the Iban community. The study's findings indicate that *Ensera Kumang* offers benefits in terms of linguistic structure, serving as a mechanism for preserving tradition, utilizing cultural terminology as markers of identity, and facilitating the function of figurative satire within Iban cultural practices. Beyond enriching ethnic and cultural literary studies, the research also offers insights for education and scholarship in sustaining the cultural heritage of indigenous

communities in Malaysia. Thus, a critical analysis of the *ensera* text is necessary to reveal how *Ensera Kumang* preserves tradition, reinforces cultural identity, and conveys symbolic satire within the Iban community.

## PENGENALAN

Budaya masyarakat Iban amat berkait rapat dengan pengaruh alam sekeliling untuk membentuk identiti budaya mereka. Bahkan, hampir setiap amalan hidup yang diamalkan oleh masyarakat Iban bergantung kepada hukum alam iaitu, melalui petanda dan pengamatan terhadap alam. Perkara ini secara tidak langsung telah membentuk identiti masyarakat Iban yang tersendiri dalam mencorakkan budaya mereka. Pemikiran masyarakat Iban dapat dilihat sebagai hasil daripada hubungan erat dengan alam sekitar. Hubungan ini bukan sahaja membentuk pandangan hidup mereka, malah menyumbang kepada penghasilan karya kreatif yang menonjolkan nilai keindahan dan seni yang khas dalam budaya Iban (Asri & Tugang, 2020). Selain itu, dunia pemikiran dan falsafah masyarakat Iban banyak dipengaruhi oleh mitos, lagenda serta tradisi lisan yang berakar daripada pengalaman hidup bersama alam yang berfungsi sebagai sumber inspirasi utama dalam penghasilan karya seni (Sandin, 1994). Interaksi harian masyarakat Iban dengan alam telah melahirkan satu bentuk kearifan tempatan yang bukan sahaja mencerminkan keperluan praktikal, tetapi jua mengandungi simbolisme dan makna budaya yang mendalam. Pemerhatian masyarakat Iban terhadap alam ini kemudiannya diterjemahkan kepada bentuk seni termasuklah seni menyampaikan cerita. Warisan kesusasteraan lisan ini kemudiannya diwarisi dari generasi ke generasi.

*Ensera* adalah salah satu karya sastera lisan masyarakat Iban yang terhasil daripada pengalaman hidup, pengamatan terhadap alam serta memori kolektif yang diwariskan secara turun-temurun. *Ensera* bukan sahaja sebuah naratif yang hanya menghiburkan, namun turut mengandungi nilai pengajaran, pendidikan dan falsafah hidup yang mencerminkan pandangan dunia masyarakat Iban. Teks *ensera* sering kali menampilkan watak-watak seperti Keling dan Kumang yang melambangkan keberanian, keindahan, kebijaksanaan dan nilai-nilai luhur yang menjadi teladan masyarakat penikmatnya. Karya sastera lisan seperti *ensera* merupakan refleksi secara langsung terhadap hubungan rapat masyarakat Iban dengan alam, termasuk flora, fauna, sungai dan gunung yang dijadikan latar serta simbol dalam struktur penceritaan bagi menyampaikan nilai, nasihat dan falsafah hidup dalam konteks budaya masyarakat. Unsur alam yang diamalkan masyarakat Iban secara harian dimanifestasikan sebagai simbol untuk menyampaikan makna budaya dan nilai kehidupan mereka (Mengga, 2023). Di samping itu, penggunaan elemen alam sebagai metafora untuk menyampaikan nasihat moral, sindiran dan nilai budaya yang terhubung dengan cara hidup masyarakat sendiri (Janie, 2025). Hal ini membuktikan bahawa *ensera* bukan sahaja berfungsi sebagai wadah hiburan, tetapi turut menjadi mekanisme penting dalam mengekalkan memori kolektif serta memperkukuh identiti budaya Iban.

*Ensera* memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya kerana dapat membina kefahaman tentang nilai estetika, etika dan kepercayaan spiritual masyarakat Iban. Sehubungan itu, dapat ditegaskan bahawa *ensera* merupakan medium penting yang menghubungkan masyarakat Iban dengan alam, sejarah, nilai budaya dan sekaligus menjadi wahana utama untuk memastikan kelangsungan identiti dan jati diri bangsa dalam arus pemodenan masa kini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Cerita rakyat Iban pada abad ke-20 ini telah dihakis dan membawa kepada perubahan budaya oleh era pemodenan yang mencakupi idea dan falsafah teknologi baru (Masanat & Shanat, 2021). Kajian mereka juga menekankan bahawa generasi muda Iban haruslah mempelajari tradisi dan budaya mereka untuk mengukuhkan lagi identiti sebagai kelahiran Iban. Malah, kajian ini telah memberikan bayangan awal dalam dapatan kajian tentang fungsi nilai norma dalam kehidupan masyarakat Iban. Pernyataan tersebut dapat disokong dengan kajian yang menyatakan bahawa penggunaan unsur mitos dan legenda dari tradisi masyarakat tempatan dilihat sebagai asas yang kukuh dan signifikan dalam membina identiti diri yang dianggap sebagai elemen penting untuk menghadapi cabaran penjajahan luar terutamanya neokolonialisme (Shokeran & Ismail, 2017).

Selain itu, karya budaya Iban amat sarat dengan falsafah serta simbolisme yang mencerminkan hubungan masyarakat dengan alam (Ali Osman, Asri & Hussain, 2021), tetapi aspek ini masih kurang dikaji secara mendalam khususnya dalam konteks sastera lisan Iban iaitu *ensera*. Walaupun *ensera* merupakan salah satu bentuk sastera lisan yang penting dalam masyarakat Iban kerana mengandungi pandangan hidup, namun tradisi ini kini semakin terancam oleh arus pemodenan dan globalisasi.

Pewarisan tradisi ini yang secara turun-temurun bergantung pada pertuturan semakin terhakis akibat perubahan gaya hidup, urbanisasi dan pengaruh media moden yang mengutamakan bentuk visual serta digital. Oleh itu, kajian ini akan menyingkap keutuhan budaya Iban yang direpresentasikan dalam *Ensera Kumang* sebagai warisan budaya yang menjadi identiti masyarakat Iban.

## SOROTAN LITERATUR

Masyarakat Iban di Sarawak memiliki warisan sosial dan budaya yang kaya diwarisi turun-temurun melalui tradisi lisan, ritual dan artifak. Kehidupan di rumah panjang bukan sahaja menjadi tempat tinggal, tetapi juga sebagai institusi sosial yang mengikat komuniti dengan nilai persaudaraan dan kepimpinan tradisional (Haslinda Md. Nazri, 2018). Walaupun modernisasi dan pengaruh luar telah membawa perubahan kepada budaya ini, tetapi budaya yang diwariskan secara turun-temurun memainkan peranan penting dalam memperkukuh identiti kolektif. Kajian literatur menunjukkan bahawa tradisi seperti ritual, sistem pusaka dan cerita rakyat masih berfungsi sebagai sumber kekuatan sosial walaupun bentuk luarnya berubah (Chemaline Osup, 2019; Kiyai & Tugang, 2020). Oleh itu, kekuatan utama masyarakat Iban terletak pada kemampuan mereka menyesuaikan tradisi lama dengan konteks moden tanpa mengorbankan makna asal dan menjadikan budaya sebagai asas kekuatan sosial.

Artifak dan pusaka masyarakat Iban bukan sekadar objek estetik, tetapi juga simbol status, sumber kekayaan dan tanda legitimasi spiritual. Tenunan *pua kumbu* misalnya dianggap suci dan sering dikaitkan dengan kuasa rohani, sementara senjata tradisional seperti *duku ilang* dahulu digunakan dalam konteks peperangan dan upacara (Kiyai & Tugang, 2020). Pusaka keluarga seperti *tajau* dan gong berfungsi sebagai penanda prestij serta menjadi mata wang adat dalam upacara tertentu. Batu Nabau pula dianggap sebagai warisan tidak ketara yang menjadi penghubung antara mitos, kepercayaan dan ekologi masyarakat (Gregory Kiyai, 2025). Walaupun bentuk rumah panjang telah berubah daripada kayu dan buluh kepada konkrit, nilai sosial seperti kepatuhan kepada Tuai Rumah masih kekal (Haslinda Md. Nazri, 2018). Justeru itu, artifak dan pusaka ini berfungsi bukan sahaja sebagai warisan, tetapi juga sebagai “arkib hidup” yang menyimpan memori kolektif dan menghubungkan generasi lama dengan generasi baharu.

Selain itu, tradisi lisan Iban merangkumi *sampi* (doa), nyanyian, teka-teki, fabel dan epik panjang atau *ensera*. *Ensera Wat Bujang Sugi* menonjolkan nilai keberanian, kesetiaan dan kepimpinan (Masanat & Shanat, 2021), manakala *Ensera Ayor* membawa mesej bahawa kekuatan seorang wira terletak pada kebijaksanaan dan keberaniannya, bukan pada rupa paras (Osup & Taslim, 2014). Fabel pula menyampaikan nilai moral seperti kejujuran dan kepintaran melalui kisah pelanduk yang mampu menewaskan haiwan lebih kuat (Sutlive, 2001). *Sampi* (doa) digunakan untuk memohon keberkatan dalam kehidupan seharian, manakala nyanyian *renung* serta *sabak* memperkukuh ikatan sosial (Chemaline Osup, 2019). Dengan itu, *ensera* dan tradisi lisan bukan sekadar hiburan, namun strategi pendidikan tidak formal yang menanamkan nilai moral, identiti dan kefahaman kosmologi sejak kecil lagi.

Lantaran itu, identiti sosial masyarakat Iban terbentuk melalui kehidupan kolektif, kepatuhan kepada adat dan ritual yang mengikat komuniti. Festival Gawai Antu misalnya bukan sekadar upacara keagamaan, tetapi juga ruang untuk mengukuhkan hubungan sosial serta menghormati nenek moyang (Sandin, 1967). Amalan lama seperti *ngayau* dan *ngayap* telah ditinggalkan, namun nilai yang terkandung di dalamnya seperti keberanian, disiplin dan solidariti tetap hidup dalam bentuk simbolik (Haslinda Md. Nazri, 2018). Dalam bidang pendidikan moden, semangat *ngayau* mendorong murid-murid Iban untuk berusaha gigih dalam pelajaran, manakala *beduruk* iaitu budaya bekerjasama dalam kerja ladang diterjemahkan sebagai semangat kolaborasi dalam pembelajaran (Maria Ahoi, 2021). Kesenambungan ini membuktikan bahawa budaya Iban tidak kaku, tetapi dinamik kerana mampu dipindahkan daripada konteks tradisi kepada arena moden seperti sekolah tanpa kehilangan nilai asalnya.

Kajian literatur memperlihatkan bahawa masyarakat Iban berjaya mengekalkan serta menyesuaikan warisan sosial dan budaya mereka dalam menghadapi cabaran moden. Rumah panjang masih berfungsi sebagai institusi sosial penting walaupun bentuk fizikalnya berubah (Haslinda Md. Nazri, 2018). Artifak dan pusaka terus menjadi sumber kekuatan sosial serta spiritual (Kiyai & Tugang, 2020; Gregory Kiyai, 2025). *Ensera* dan tradisi lisan berperanan menyampaikan nilai moral dan kosmologi masyarakat (Masanat & Shanat, 2021; Taslim & Osup, 2014; Chemaline Osup, 2019), manakala pendidikan moden menunjukkan kesinambungan nilai tradisional dalam bentuk baharu (Maria Ahoi, 2021). Keberhasilan masyarakat Iban mengekalkan identiti mereka sebagai bukti bahawa budaya ialah asas paling kukuh dalam menjamin kekuatan hubungan komuniti.


## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah bertujuan menganalisis teks *Ensera Kumang* dalam merepresentasikan identiti budaya masyarakat Iban melalui prinsip Sfera Faedah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kes dipilih kerana reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji meneliti teks *Ensera Kumang* secara mendalam sebagai satu unit analisis yang mewakili warisan budaya masyarakat Iban. Reka bentuk ini juga sesuai untuk menyingkap makna tersembunyi dan representasi budaya yang terakam dalam teks tersebut. Data kajian diperoleh daripada teks utama iaitu, *Ensera Kumang* dan rujukan sekunder seperti kajian lepas dan artikel ilmiah. Kajian ini juga akan mengaplikasikan pendekatan Keindahan Braginsky iaitu, Sfera Faedah sebagai kerangka teori untuk menganalisis data yang diperolehi daripada teks *ensera*.

Pengumpulan data dilakukan melalui sumber sekunder hasil tinjauan kajian kepustakaan dan kajian kepustakaan yang meneliti naratif, simbol, watak dan unsur budaya. Instrumen kajian merangkumi borang analisis tematik yang dibangunkan berdasarkan prinsip Sfera Faedah dan jadual pengekodan untuk mengenal pasti tema-tema utama bagi memastikan interpretasi data konsisten dengan konteks budaya Iban. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan proses pembacaan intensif, pengekodan awal, pembentukan tema serta mengaplikasikan prinsip Sfera Faedah. Dapatan kemudian ditafsir dan disintesis untuk menyingkap keutuhan budaya Iban yang terdapat dalam teks *Ensera Kumang*.



**Rajah 1.** Alir metodologi kajian bermula daripada pengumpulan data sehingga ke dapatan kajian

**Rajah 1** memperlihatkan perjalanan metodologi kajian yang bermula dengan pengumpulan data melalui teks *Ensera Kumang* dan rujukan sekunder. Seterusnya, teks dianalisis secara mendalam dengan memberi tumpuan kepada naratif, simbol, watak dan unsur budaya. Proses ini diteruskan dengan pengekodan awal iaitu, dengan mengenal pasti petikan yang mengandungi nilai budaya, moral dan identiti masyarakat Iban akan ditandakan. Kod-kod yang ditemukan kemudiannya digabungkan dan disusun untuk membentuk tema utama yang menggambarkan aspek budaya masyarakat Iban. Selepas tema dibentuk, analisis diperkukuh dengan mengaplikasikan prinsip Sfera Faedah yang akan membentuk makna teks kepada faedah yang diperolehi daripada teks *Ensera Kumang*. Hasil daripada penerapan pendekatan Keindahan Braginsky, interpretasi dan sintesis akan dilakukan bagi menyingkap makna yang lebih mendalam tentang representasi identiti budaya dalam teks *Ensera Kumang*. Keseluruhan proses ini akhirnya akan menghasilkan dapatan kajian yang menjelaskan fungsi *Ensera Kumang* dalam merepresentasikan keutuhan budaya masyarakat Iban melalui perspektif Sfera Faedah.

## Prinsip Sfera Faedah dalam Pendekatan Keindahan Braginsky 1994

Prinsip Sfera Faedah ialah prinsip yang berada di peringkat kedua tertinggi dalam sistem hierarki sastera Melayu tradisional (Braginsky, 1994). Karya yang berada dalam Sfera Faedah ini merupakan kesedaran pengarang terhadap kewujudan manusia yang mempunyai akal. Kesedaran ini telah memberikan ruang kepada penghasilan karya yang dapat mendidik akal dan minda manusia. Karya dalam Sfera Faedah ini bersifat memberi pengajaran dan manfaat kerana mengandungi nasihat, memberi kesedaran serta teladan yang dapat membentuk sahsiah dan identiti masyarakat (Braginsky, 1994). Selain itu, Sfera Faedah ini juga menekankan nilai moral, adat dan pandangan hidup yang mampu memperkukuhkan hubungan harmoni sesama manusia dan alam.

Apabila Sfera Faedah ini diterapkan kepada kajian teks *Ensera Kumang*, Sfera Faedah membolehkan analisis yang menekankan kaedah *Ensera Kumang* ini mendidik, menyatukan dan memperkukuh budaya Iban. *Ensera Kumang* bukan hanya sebuah epik rakyat Iban yang indah, tetapi

sarat dengan ajaran tentang moral, adat, identiti kolektif dan spiritual. Penerapakan Sfera Faedah ini dalam *Ensera Kumang* akan membuktikan bahawa teks *ensera* tersebut sebagai wahana budaya yang menyatukan keindahan dengan manfaat intelektual dan sosial. Oleh itu, pendekatan Keindahan Braginsky iaitu, Sfera Faedah ini penting untuk menyingkap makna yang lebih mendalam daripada sekadar permukaan naratif.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### STRUKTUR BAHASA SEBAGAI MEKANISME PEMELIHARAAN TRADISI

Struktur bahasa dalam tradisi lisan seperti *Ensera Kumang* berperanan sebagai mekanisme penting dalam memelihara kesinambungan warisan budaya Iban kerana bentuk naratifnya yang sarat dengan pengulangan, formulaik kata dan laras pertuturan khusus. Hal ini selaras dengan pandangan Finnegan (2018) yang menegaskan bahawa tradisi lisan bergantung pada “*structured verbal patterns that ensure accurate cultural transmission across generations*,” menjadikannya medium yang bukan sahaja menyampaikan cerita tetapi turut mengekalkan struktur pemikiran masyarakat asal. Seiring itu, Foley (2012) menyatakan bahawa “*oral traditions derive their longevity from linguistic patterning that stabilizes memory, meaning, and cultural identity*,” menampilkan bagaimana bahasa yang teratur dalam *ensera* bukan sekadar alat komunikasi, namun sistem ingatan budaya yang memelihara adat, nilai dan kosmologi Iban. Oleh itu, analisis struktur bahasa dalam *Ensera Kumang* membuktikan bahawa ciri linguistik tradisi lisan menjadi tunjang penting dalam mengekalkan keutuhan tradisi dan identiti budaya masyarakat Iban.

#### Petikan 1

Teks <i>Ensera Kumang</i>	Terjemahan
"...udah makai nyumai, barang ti ngasu, ngasu. Barang ti bebubu, bebubu. Barang ti beentaya, beentaya. Barang ti nginti, nginti. Barang ti ngiga lauk, ngiga lauk. Barang ti turun, turun..."	"sudah makan dan memasak, yang berburu, berburu. Yang membubu, membubu. Yang beentaya, beentaya. Yang mengail, mengail. Yang mencari lauk, mencari lauk. Yang bersawah, bersawah..."

*Ensera Kumang*, 2004: 33

Struktur bahasa dalam petikan 1 khususnya penggunaan pola pengulangan seperti “*barang ti ngasu, ngasu ... barang ti bebubu, bebubu...*”, membuktikan bahawa formula linguistik tradisi lisan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesinambungan budaya. Pengulangan unit linguistik yang stabil ini bukan sahaja mencipta ritma yang mudah diingat, tetapi turut berfungsi sebagai alat bantu ingatan kolektif yang memastikan cerita dan pengetahuan tradisi tidak berubah secara drastik ketika diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Masyarakat berasaskan lisan bergantung sepenuhnya kepada bahasa terstruktur serta teknik ingatan tertentu bagi memastikan warisan budaya dapat dipindahkan tanpa kehilangan makna asalnya, dengan kata lain bahasa diperlakukan sebagai sistem ingatan sosial (Abbas, 2023). Pandangan ini menunjukkan bahawa struktur pengulangan dalam *Ensera Kumang* tidak bersifat estetika semata-mata, tetapi merupakan asas kepada mekanisme pemeliharaan tradisi.

Berdasarkan konteks penyelidikan kontemporari, Laing dan Muyan (2022) menegaskan bahawa karya mempunyai bentuk puitis yang tersusun menjadikan gaya bahasanya mudah disampaikan melalui tradisi lisan seperti penceritaan di ruai atau siaran radio. Perkara ini menunjukkan bahawa struktur bahasa *ensera* dibina melalui rangka formulaik yang memadatkan elemen budaya seperti kegiatan memburu, mengail, membubu dan bekerja di sawah ke dalam urutan kata kerja yang tersusun. Keteraturan linguistik ini memastikan setiap kali *ensera* dilafazkan bukan sahaja cerita yang dihidupkan kembali, tetapi seluruh sistem nilai, cara hidup dan hubungan manusia dan alam turut diperteguh dalam ingatan komuniti. Perkara ini membuktikan bahawa struktur bahasa dalam *Ensera Kumang* ialah mekanisme linguistik yang menghubungkan bentuk dengan fungsi iaitu, memaparkan bahasa teratur menjadi alat pemindahan, pemeliharaan dan pengukuhan tradisi lisan masyarakat Iban dalam konteks moden.

Pengulangan dan keteraturan linguistik ini membawa manfaat langsung kepada khalayak kerana *ensera* bukan sekadar hiburan atau estetika, tetapi merupakan instrumen pembelajaran dan pemindahan nilai, norma, serta pengalaman hidup yang tersurat dan tersirat. Setiap unit pengulangan

berfungsi sebagai titik fokus untuk pemahaman kolektif, membolehkan pendengar atau pembaca menangkap keseluruhan sistem nilai, etika dan corak hidup masyarakat Iban. Perkara ini juga menegaskan peranan bahasa sebagai sistem ingatan sosial yang memastikan tradisi lisan kekal hidup dan relevan walaupun dalam konteks moden, sama ada melalui penceritaan di *ruai*, persembahan ritual atau adaptasi media kontemporari seperti siaran radio dan dokumentasi teks. Struktur yang stabil memastikan warisan budaya tidak mudah berubah atau hilang, manakala ritma dan formula puitis menjadikan ilmu yang dipindahkan mudah diterima serta diinternalisasi oleh khalayak. Justeru, teks *Ensera Kumang* menunjukkan bahawa struktur bahasa yang tersusun bukan sekadar alat estetika, tetapi merupakan medium yang memadukan bentuk dan fungsi iaitu, bahasa menjadi instrumen praktikal untuk pemeliharaan tradisi, pengukuhan identiti, pengajaran moral dan penyebaran nilai budaya, sekaligus memastikan bahawa generasi kini dan akan datang menerima manfaat langsung daripada warisan sastera lisan yang kaya, menyeluruh, dan berkesan dalam membina kesedaran budaya, kefahaman nilai hidup serta penghayatan hubungan manusia dengan alam dalam komuniti Iban.

## PENGGUNAAN ISTILAH BUDAYA SEBAGAI PENANDA IDENTITI

Penggunaan istilah budaya dalam *Ensera Kumang* berfungsi sebagai penanda identiti yang menghubungkan bahasa dengan akar tradisi masyarakat Iban, khususnya melalui leksikon dan pelbagai istilah adat yang membawa makna budaya yang tidak dapat diterjemah secara langsung ke dalam bahasa lain. Masyarakat tradisional mengekalkan identiti mereka melalui pilihan kata yang berasaskan pengalaman budaya dan pandangan dunia iaitu, kosa kata tersebut menjadi penyandang makna yang diwarisi secara turun-temurun (Finnegan, 2012). Istilah budaya yang unik bukan sekadar penanda bahasa, tetapi berfungsi sebagai penanda memori kolektif yang menghubungkan generasi kini dengan sistem nilai dan pengetahuan tradisional (Austin, 2021). Oleh itu, penggunaan istilah budaya dalam *Ensera Kumang* memainkan peranan kritikal dalam mengukuhkan identiti Iban serta memastikan kesinambungan warisan budaya Iban melalui mekanisme linguistik yang tersusun.

### Petikan 2

Teks <i>Ensera Kumang</i>	Terjemahan
"Tau aya, tau. Rumah panjai kami, enda kala megai <b>pagar api</b> , enda kala megai sial penti pemali,"	"Boleh aya, boleh. Rumah panjang kami, tidak pernah memegang <b>pagar api</b> , tidak pernah memegang pantang larang,"
<b><i>Ensera Kumang</i>, 2004: 33</b>	
"Keling seduai Laja lalu nurun begiga, bejalai berari-ari-ari, niti jalai sida ti <b>ngayau</b> ."	"Keling dan Laja pun turun mencari, berjalan seharian, mengikut jejak mereka yang <b>ngayau</b> ."
<b><i>Ensera Kumang</i>, 2004: 91</b>	
"Nemu orang bisi <b>ngayap</b> iya, dia Kumang lalu dani."	"Mengetahui orang datang <b>ngayap</b> dia, Kumang terus bangun."
<b><i>Ensera Kumang</i>, 2004: 107</b>	
"...sida serumah berandau laban berunding deka <b>ngupas ulit</b> ."	"...mereka serumah berbincang sebab ingin <b>ngupas ulit</b> ."
<b><i>Ensera Kumang</i>, 2004: 118</b>	
"Aku ukai enggai <b>belian</b> akan, ka! Nama utai ti <b>dipelian</b> ?"	"Saya bukan tidak mahu <b>belian</b> akan, mahu! Tapi benda apa yang hendak <b>dipelian</b> ?"
<b><i>Ensera Kumang</i>, 2004: 189</b>	

Penggunaan istilah budaya dalam petikan 2 memperlihatkan bahasa berperanan sebagai alat pengukuhan identiti masyarakat Iban melalui penyampaian makna yang tidak dapat dialihkan sepenuhnya ke dalam bahasa lain. Istilah seperti *pagar api*, *sial penti pemali*, *ngayau*, *ngayap*, *ngupas ulit* dan *belian* bukan sahaja merakam norma tradisi, malah menggambarkan kerangka kosmologi serta struktur sosial masyarakat Iban. Berdasarkan petikan "*Rumah panjai kami, enda kala megai pagar api, enda kala megai sial penti pemali*", penggunaan istilah pantang larang seperti *pagar api* dan *pemali* menunjukkan bahawa kehidupan sosial masyarakat Iban dibina atas prinsip keseimbangan spiritual dan adat. Hal ini selaras dengan pandangan Finnegan (2012) yang menyatakan bahawa kosa kata tradisional menjadi penyandang makna budaya yang diwarisi secara turun-temurun, dan istilah tersebut berfungsi sebagai repositori pengetahuan masyarakat. Oleh itu, makna budaya yang tersirat dalam

istilah-istilah ini tidak sekadar menghuraikan perbuatan atau objek, tetapi menandakan sistem nilai yang membentuk pandangan dunia masyarakat Iban.

Selain itu, istilah budaya seperti *ngayau* dan *ngayap* memperlihatkan aktiviti sosial dan amalan turun-temurun yang menjadi penanda sejarah serta identiti kolektif orang Iban. Dalam petikan "*niti jalai sida ti ngayau*", istilah *ngayau* merakam tradisi pengembaraan dan pencarian identiti kepahlawanan dalam kehidupan masyarakat lampau. Begitu juga dalam petikan "*orang bisi ngayap iya*", perbuatan *ngayap* menggambarkan budaya mencari pasangan sebagai suatu proses sosial yang halus dan penuh adat yang melambangkan hubungan interpersonal dan nilai kesopanan Iban. Austin (2021) menegaskan bahawa istilah budaya yang mapan merupakan alat memori kolektif yang menghubungkan generasi kini dengan sistem nilai tradisional yang telah lama terbentuk menjadikan bahasa sebagai arkib sosial yang menyimpan amalan hidup masyarakat. Oleh itu, makna budaya yang terkandung dalam istilah-istilah ini tidak dapat ditukar secara literal kerana mengandungi muatan sejarah, emosi kolektif dan simbolisme adat yang hanya dapat difahami melalui konteks budaya Iban sendiri.

Seterusnya, istilah seperti *ngupas ulit* dan *belian* menonjolkan mekanisme adat serta struktur perundingan dalam masyarakat Iban. Dalam petikan "*sida serumah berandau laban berunding deka ngupas ulit*", perbuatan *ngupas ulit* bukan sekadar keputusan biasa, tetapi merujuk kepada persetujuan komuniti bagi menamatkan proses berkabung. Sementara itu, istilah *belian* dalam petikan "*Nama utai ti dipelian?*" menggambarkan konsep upacara atau ritual yang memerlukan kepakaran dan pengetahuan adat dan istilah ini tidak mempunyai padanan yang tepat dalam bahasa lain. Semua istilah ini melambangkan kepentingan bahasa sebagai alat penyambung warisan budaya selari dengan pandangan Duranti (1997) yang menegaskan bahawa bahasa ialah cara manusia menstruktur realiti budaya mereka. Selaras dengan itu juga bahasa menjadi medium utama untuk mengungkap identiti serta kedudukan sosial dalam komuniti. Penggunaan istilah budaya dalam *Ensera Kumang* bukan sahaja memperlihatkan keindahan linguistik masyarakat Iban, namun juga berfungsi sebagai mekanisme kesinambungan tradisi, penyatuan komuniti dan pengukuhan identiti etnik yang diwarisi secara kolektif.

### FUNGSI SINDIRAN BERKIAS DALAM BUDAYA

Sindiran berkias merupakan salah satu bentuk gaya bahasa kiasan yang digunakan secara halus untuk menyampaikan kritikan, teguran atau nasihat tanpa menyakiti perasaan secara langsung. Penggunaan bahasa kiasan dalam puisi Melayu tradisional seperti pantun, gurindam dan syair bukan sahaja menunjukkan keindahan berbahasa, namun turut menjadi wahana dalam menyampaikan pengajaran moral dan kritikan sosial (Harun Mat Piah, 1989). Karya dalam tradisi sastera tradisional sering dihasilkan berdasarkan prinsip estetika dan fungsi iaitu, sindiran berkias hadir sebagai medium keseimbangan antara seni dan tujuan menajamkan akal budi. Sindiran berkias juga dilihat sebagai kehalusan budaya yang mengutamakan kesantunan kerana menegur secara tersirat daripada berterusterang boleh menyinggung perasaan (Muhammad Haji Salleh, 2006).

### Petikan 3

Teks <i>Ensera Kumang</i>	Terjemahan
"Ati anak aku, ba tuboh iya empu, Igat. Aku nadai milih orang, ama meh nuan ulih ngisi adat kami belaki-bebini," ko iya. "Aku minta atau tungau mesai chapan, untak kerengit sepinggan bulan enggau punggung kesa mesai tekaran."	"Hati anakku, dalam tubuh dirinya sendiri, Igat. Aku tidak memilih-milih orang, asalkan engkau dapat memenuhi adat kami dalam menjadi pasangan suami isteri," katanya. "Aku meminta syarat hati tungau sebesar nyiru, otak agas sepinggan bulan, serta punggung kerengga sebesar takaran."

*Ensera Kumang*, 2004: 106

Teks *Ensera Kumang* seperti dalam petikan 3 memperlihatkan penggunaan bahasa sindiran berkias yang halus, namun mendalam maknanya. Frasa seperti "hati tungau sebesar nyiru", "otak agas sepinggan bulan" dan "punggung kerengga sebesar takaran" jelaslah bukan tuntutan literal sebaliknya suatu bentuk kiasan yang menzahirkan kesukaran syarat perkahwinan yang dikenakan oleh pihak keluarga perempuan. Dalam konteks ini, sindiran berkias digunakan untuk menguji ketabahan, kesabaran, kesungguhan dan komitmen seorang lelaki dalam menunaikan adat perkahwinan. Bahasa

berkias dalam kesusasteraan rakyat Iban sering berfungsi sebagai mekanisme komunikasi tersirat untuk menyampaikan sesuatu mesej yang tidak dapat diungkap secara terus terang (Radzi & David, 2012). Berdasarkan konteks *Ensera Kumang* dalam petikan 3, sindiran berkias ini dapat difahami sebagai simbol cabaran, tuntutan dan ujian adat yang mesti ditempuh oleh pihak lelaki sebelum layak bergelar suami.

Berdasarkan adat perkahwinan Iban, sindiran berkias ini menggambarkan betapa pentingnya kedudukan adat dalam mengikat hubungan dua insan. Adat bukan sahaja berfungsi sebagai simbolik penyatuan dua individu, tetapi juga sebagai pengikat komuniti serta menjaga keharmonian sosial. Syarat yang kelihatan mustahil seperti yang disebut dalam petikan 2 berperanan mendidik calon pengantin lelaki agar menyedari tanggungjawab besar yang bakal dipikul dalam kehidupan berumah tangga. Adat perkahwinan masyarakat Iban amat sarat dengan pantang larang dan peraturan yang mencerminkan nilai disiplin, kehormatan dan tanggungjawab. Oleh itu, sindiran berkias yang terdapat dalam *Ensera Kumang* bukan sekadar mengindahkan naratif, tetapi menjadi refleksi langsung kepada pandangan hidup masyarakat Iban. Perkara ini juga turut menekankan bahawa perkahwinan tidak boleh dipandang ringan kerana sahaja melibatkan pasangan, tetapi keseluruhan komuniti. Justeru itu, penggunaan bahasa sindiran berkias berfungsi sebagai peringatan bahawa adat adalah kayu ukur utama dalam menentukan keserasian dan kelayakan seseorang calon suami atau isteri.

Lanjutan daripada itu, penggunaan sindiran berkias ini dapat dikaitkan dengan konsep Sfera Faedah yang dikemukakan oleh Braginsky (1994) iaitu, satu tahap penciptaan karya sastera yang menekankan kesedaran intelektual pengarang untuk mendidik akal budi. Berdasarkan perkara ini, petikan 3 dengan jelas membawa mesej moral bahawa adat dan syarat dalam perkahwinan tidak harus dilihat dari aspek beban, tetapi sebagai suatu pendidikan simbolik untuk mendidik masyarakat mengenai kesabaran, kebijaksanaan dan penghormatan terhadap budaya. Teks ini berjaya membuktikan bahawa karya sastera rakyat bukanlah hiburan kosong, sebaliknya menjadi wahana pendidikan yang menyalurkan kesedaran dan pandangan hidup. Hakikat bahawa karya dalam Sfera Faedah menampilkan kesedaran pengarang terhadap nilai akal lalu menyalurkan pemikiran yang dapat menuntun masyarakat untuk hidup dengan lebih tertib, berdisiplin dan berbudaya. Oleh itu, sindiran berkias yang hadir dalam *Ensera Kumang* adalah sebahagian daripada usaha mendidik masyarakat Iban tentang tanggungjawab dalam adat perkahwinan melalui medium *ensera*.

Tuntasnya, *Ensera Kumang* membuktikan bahawa sindiran berkias adalah salah satu elemen penting dalam khazanah sastera Iban yang memperlihatkan nilai keindahan bahasa, kehalusan budi dan kekayaan falsafah budaya. Dengan menekankan syarat-syarat perkahwinan yang mustahil, teks *ensera* ini memberi peluang untuk khalayak penikmatnya merenung agar tidak menganggap adat sekadar prosedur, tetapi merupakan pandangan hidup yang mendidik tentang makna kesungguhan, ketabahan dan komitmen. Adat Iban ialah nadi kehidupan sosial mereka kerana menjadi garis panduan dalam setiap aspek kehidupan (Sather, 2004). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sindiran berkias dalam *Ensera Kumang* bukan sahaja berfungsi sebagai gaya bahasa yang memberi keindahan pada naratif. *Ensera Kumang* juga berfungsi sebagai medium pemerikasaan budaya dalam Sfera Faedah dan membentuk kesedaran masyarakat Iban untuk menghargai adat sebagai asas kehidupan dengan identiti tersendiri.

## KESIMPULAN

Natijahnya, falsafah moral, sindiran berkias dan panduan hidup yang tersirat dalam teks *Ensera Kumang* jelas mencerminkan keutamaan adat sebagai asas budaya dan identiti masyarakat Iban. Sindiran berkias digunakan untuk menyampaikan nasihat halus tentang tanggungjawab, manakala panduan hidup berteraskan adat memperlihatkan nilai disiplin, hormat dan kesatuan komuniti. Kesemua unsur ini selari dengan konsep Sfera Faedah seperti yang diuraikan oleh Braginsky iaitu, sastera berperanan bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga sebagai wahana pendidikan akal budi dan moral. Oleh itu, *Ensera Kumang* bukan sekadar khazanah lisan tradisi, tetapi berfungsi sebagai cerminan falsafah hidup masyarakat Iban yang menekankan keharmonian, kelestarian adat dan pengajaran yang relevan.

## PENGHARGAAN

Data yang dibentangkan dalam makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian tesis Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Warisan) yang sedang diusahakan oleh penulis iaitu, Chris Dickerson anak Thomas dan diselia oleh Dr. Nordiana binti Ab Jabar dan Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam pelaksanaan kajian ini.

## SUMBANGAN PENULIS

**Penulis 1.:** Chris Dickerson Thomas: Konseptualisasi (Kerangka Sfera Faedah), Metodologi, Analisis Teks, Pemerolehan Data, Analisis Formal, Penulisan – Draf Asal.

**Penulis 2.:** Nordiana Ab Jabar: Penyeliaan, Pengesahan, Analisis Formal, Sumber, Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

**Penulis 3.:** Daeng Haliza Daeng Jamal: Penyeliaan, Analisis Formal, Pentadbiran Projek, Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

## KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Semua data utama yang dianalisis dalam kajian ini, termasuk petikan teks *Ensera Kumang* dan dapatan analisis kualitatif berdasarkan kerangka Sfera Faedah telah disertakan sepenuhnya di dalam artikel ini.

## PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI) GENERATIF

Penulis mengisytiharkan penggunaan Gemini (Google AI) bagi tujuan penambahbaikan gaya bahasa dan struktur ayat dalam proses penulisan. Segala analisis tekstual terhadap *Ensera Kumang* dan aplikasi Sfera Faedah adalah hasil kerja asli penulis iaitu, penulis memikul tanggungjawab penuh atas kesahihan fakta serta interpretasi budaya yang dibincangkan.

## PENYATAAN ETIKA

Karya ini adalah hasil usaha asli penulis dan tidak pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal atau platform lain.

## RUJUKAN

- Kamal Azmi, Indriaty Ismail dan Mohd. Nasir Omar. (2015). Kecelaruhan nilai dalam falsafah etika. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, KUIS*, 8(1), 131-144.
- Maria Ahoi & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Pengaruh budaya Iban terhadap gaya pembelajaran murid Iban. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(1), 11-21.
- Mohammad Sufiyan Ali Osman, Adilawati Asri dan Shaikh Azahar Shaik Hussain. (2021). The philosophy of Alam Takambang Jadi Guru in the traditional wisdom of the Iban community: The art of tattoo. *Asian People Journal*, 4(2), 1–15.
- Adilawati Asri dan Noria Tugang. (2020). Parang Ilang as an interpretation of *Alam Takambang Jadi Guru* Philosophy In Iban's culture. *Asian People Journal*, 3(1), 1–18.
- Austin, P. K. (2021). *Language documentation and cultural memory*. Routledge.
- Austin, P. K. (2021). *Language documentation and cultural memory*. Cambridge University Press.
- Bayrak, M. M., Tran, T. D., & Burgers, P. (2023). Migration, remittances, and adaptation to climate change: A case study of rural households in the Mekong Delta. *Journal of Rural Studies*, 96, 324–335.
- Braginsky, V. I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Donald, J. (2004). *Ensera Kumang*. Penerbit Medansains Jaya Sdn. Bhd.
- Duranti, A. (1997). *Linguistic anthropology*. Cambridge University Press.
- Finnegan, R. (2012). *Oral literature in Africa* (New ed.). Open Book Publishers.
- Foley, J. M. (2012). *Oral tradition and its performance*. University of Illinois Press.
- Finnegan, R. (2018). *Oral literature in Africa* (2nd ed.). Open Book Publishers.
- Freeman, D. (1970). *Report on the Iban*. London: Athlone Press.

- Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures*. Basic Books.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslinda Md. Nazri. (2018). Social and cultural aspects of the Iban community in Sarawak. *Ideology Journal*, 2(2), 79–90.
- Gregory Kiyai @ Keai. (2025). Batu Nabau: A rock formation phenomenon in the context of legends and intangible heritage of the Iban people in Sarawak. *International Journal of Intangible Cultural Heritage*, 20(1), 45–60.
- Gregory Kiyai @ Keai dan Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. Kinabalu: Artifak.
- Angelina Laing dan Ellison Ludan Muyan. (2022). The effectiveness of preserving Iban “Ensera” (folktales) through the medium of Wai FM radio in Miri Division. *The Sarawak Museum Journal*, LXXXV(106), 25–45.
- MacIntyre, A. (1984). *After virtue: A study in moral theory* (2nd ed.). University of Notre Dame Press.
- Florene Ejot Masanat dan Musdi Shanat. (2021). Character analysis of Ensera Wat Bujang Sugi through morphological analysis theory of Vladimir Propp. *Natural Volatiles & Essential Oils*, 8(4), 10291-10299.
- Norsaleha Mohd. Salleh. (2020). *Panduan Hidup Berkeluarga*. Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslinda Md. Nazri. (2018). Social and cultural aspects of the Iban community in Sarawak. *Ideology Journal*, 3(2), 199-208.
- Chemaline Usop. (2019). *The oral literature of the Iban in Borneo*. University Malaysia Sarawak Press.
- Harishon Radzi dan Phylisia David. (2012). Unsur eufemisme dan perumpamaan dalam teks hikayat Iban. *Jurnal Melayu*, 9(1), 45–60.
- Sandin, B. (1967). *The sea dayaks of Borneo before white rajah rule*. London: Macmillan.
- Sandin, B. (1994). *Sources of Iban tradisional history*. Sarawak: Sarawak Museum Department.
- Abang Sallehuddin Abg. Shokeran dan Hashim Ismail. (2017). “Tukang Ensera”: Seni tradisi berdepan cabaran modenisasi. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1), 1-20.
- Sutlive, V. (2001). *The Iban of Sarawak: Chronicle of a vanishing world*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, A. (1980). *Repetition in oral literature: The Malay case*. Oxford University Press.
- Noriah Taslim dan Chemaline Usop . (2014). *Ensera Ayor: Epik rakyat Iban*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tenas, E. (2013). Konsep pengalaman hidup dalam peribahasa masyarakat Iban. Dalam Analisis semantik inkuisitif peribahasa masyarakat Sarawak.
- Wan Roshazli Wan Razali. (2025). Penyelesaian konflik dalam naratif epik Iban: Satu kajian terhadap *Ensera Ayor*. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera Dan Budaya*, 4(1), 69–83.
- Zaid Mohd Zin dan Wan Suhaila Wan Idris. (2017). Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 7, 19-33.
- Nur Alisha Mengga. (2023). Unsur tumbuhan sebagai perlambangan dalam peribahasa Iban. *PENDETA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera*, 14(2), 1-10.
- Jenny Janie. (2025). *Kajian interpretasi unsur alam dalam Sempama Jaku Iban: Analisis implikatur* (Laporan Projek Tahun Akhir). Universiti Malaysia Sarawak.